

Lelaki berjudi di tempat awam didenda RM800

MIRI: Seorang lelaki didenda RM800 atau tiga minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan bermain judi di tempat awam.

Hossain Arif, 43, telah didakwa mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah bermain judi jenis judi dalam talian di tempat

awam.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.45 petang, 12 November lalu di sebuah lot di Jalan Gardenia di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang bekerja di sebuah kedai membuat papan tanda iklan merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan kes dilakukan Inspektor Mudzila-wati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.